



30 November 2017  
30 November 2017  
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN 2017

*LEGAL AID REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “perakuan” ertinya perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan kepada pemohon di bawah Bahagian IV Akta.

**Permohonan untuk perakuan bantuan guaman dalam tindakan sivil atau kes jenayah**

3. (1) Mana-mana orang yang berkehendakkan bantuan guaman dalam tindakan sivil atau kes jenayah boleh memohon suatu bantuan guaman dalam Borang I Jadual Pertama.

(2) Bagi maksud tindakan sivil, pemohon hendaklah terlebih dahulu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan menurut Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017 [*P.U. (A) 370/2017*].

(3) Tiap-tiap permohonan untuk bantuan guaman hendaklah mengandungi apa-apa maklumat dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang perlu bagi membolehkan Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk menentukan—

- (a) jenis prosiding berhubung dengan bantuan guaman yang dipohon dan hal keadaan yang bantuan guaman dikehendaki; dan
- (b) persoalan sama ada munasabah suatu perakuan harus diberikan.

#### **Permohonan bagi pihak budak**

4. (1) Permohonan untuk bantuan guaman bagi seseorang budak dalam tindakan sivil atau kes jenayah hendaklah dibuat oleh seseorang yang cukup umur dan keupayaan bagi pihak budak itu dalam Borang IA Jadual Pertama, dan jika permohonan itu berkaitan dengan prosiding yang kaedah mahkamah menghendakinya untuk dimulakan atau dibela oleh wakil atau penjaga *ad litem*, pemohon itu mestilah wakil atau penjaga *ad litem*.

(2) Bagi maksud tindakan sivil, pemohon hendaklah terlebih dahulu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan menurut Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017.

(3) Tiap-tiap permohonan untuk bantuan guaman untuk seseorang budak hendaklah mengandungi apa-apa maklumat dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang perlu bagi membolehkan Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk menentukan—

- (a) jenis prosiding berhubung dengan bantuan guaman yang dipohon dan hal keadaan yang bantuan guaman dikehendaki; dan
- (b) persoalan sama ada munasabah suatu perakuan harus diberikan.

(4) Ketua Pengarah Bantuan Guaman tidak boleh mengeluarkan perakuan yang dipohon oleh seseorang bagi pihak budak melainkan jika seseorang itu telah menandatangani suatu aku janji untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman (jika diminta berbuat demikian) apa-apa jumlah wang yang, menurut Akta atau Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menghendaki orang yang dibantu

yang cukup umur dan keupayaan untuk membayar apabila perakuan itu dikeluarkan atau semasa perakuan itu berkuat kuasa atau apabila perakuan itu dibatalkan.

(5) Apa-apa perakuan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah atas nama budak itu dan hendaklah juga menyatakan nama orang yang memohon perakuan itu bagi pihak budak itu.

(6) Dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengeluaran, pindaan atau pembatalan suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini, dan apa-apa perkara lain yang berbangkit seperti antara orang yang dibantu dengan Ketua Pengarah Bantuan Guaman, orang yang memohon perakuan bagi pihak budak itu hendaklah dianggap bagi segala maksud, termasuklah penerimaan dokumen, sebagai ejen budak itu.

### **Pengeluaran perakuan**

5. (1) Pengeluaran suatu perakuan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dibuat dalam Borang II Jadual Pertama setelah penentuan kelayakan pemohon untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman dalam tindakan sivil dipertimbangkan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017.

(2) Bagi khidmat bantuan guaman selain tindakan sivil, pengeluaran perakuan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dibuat dalam Borang II Jadual Pertama.

(3) Suatu perakuan kemudiannya boleh dikeluarkan berkenaan dengan prosiding dalam mahkamah mula-mula atau prosiding dalam mahkamah rayuan.

(4) Kecuali rayuan interlocutori, tiada perakuan boleh berkaitan dengan kedua-dua prosiding dalam mahkamah mula-mula dan dalam mahkamah rayuan.

(5) Suatu perakuan tidak boleh berkaitan dengan lebih daripada satu tindakan, kausa atau perkara, tetapi boleh termasuk prosiding untuk menguatkuasakan apa-apa perintah atau persetujuan seperti yang disebut dalam subperaturan 13(4).

(6) Suatu perakuan boleh dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman berkenaan dengan prosiding yang berikut:

(a) prosiding (selain prosiding interlokutori) dalam mahkamah rayuan dalam apa-apa tindakan, kausa atau perkara, yang pemohon ialah orang yang dibantu dalam mahkamah bawah; atau

(b) prosiding dengan cara perbicaraan baharu yang diperintahkan oleh mahkamah rayuan yang di hadapannya pemohon ialah orang yang dibantu.

(7) Bagi maksud subperaturan (3), amaun sumbangan boleh dikenakan berdasarkan sumber kewangan pemohon semasa prosiding mahkamah mula-mula.

(8) Walau apa pun subperaturan (3), jika, selepas penentuan terakhir oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman, disebabkan perubahan hal keadaan sumber kewangan pemohon, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah menentukan semula sumber kewangan pemohon untuk menentukan kelayakannya untuk mendapatkan bantuan guaman dan amaun sumbangan yang kena dibayar.

(9) Menjadi kewajipan orang yang dibantu untuk memberitahu Ketua Pengarah Bantuan Guaman jika sumber kewangan pemohon semasa menjadi orang yang dibantu telah berubah dalam—

(a) mahkamah mula-mula; atau

(b) mahkamah rayuan.

(10) Setelah permohonan untuk perakuan diluluskan, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah memaklumkan pemohon berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan kelulusan itu.

(11) Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah mengeluarkan perakuan dalam Borang II Jadual Pertama setelah pembayaran sumbangan dibuat oleh pemohon.

### **Pindaan perakuan**

6. Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh meminda suatu perakuan—

(a) jika didapati terdapat kesalahan atau kesilapan dalam perakuan itu;

(b) apabila pada pendapat Ketua Pengarah Bantuan Guaman bahawa perakuan itu perlu sama ada—

(i) untuk dilanjutkan kepada prosiding yang lain, yang menjadi sebahagian daripada tindakan, kausa atau perkara yang sama yang berkaitan dengan perakuan itu atau prosiding untuk menguatkuasakan apa-apa perintah atau persetujuan yang disebut dalam subperaturan 13(4); atau

(ii) untuk tidak dilanjutkan kepada prosiding tertentu berkenaan dengannya perakuan itu dikeluarkan;

(c) apabila terdapat pertukaran peguam orang yang dibantu atau peguam melepaskan dirinya daripada bertindak bagi orang yang dibantu.

### **Pembatalan perakuan**

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh membatalkan suatu perakuan—

(a) pada bila-bila masa atas permintaan orang yang dibantu;

- (b) jika berlaku tunggakan pembayaran yang melebihi tiga puluh hari bagi apa-apa sumbangan, deposit berkenaan dengan perbelanjaan luar jangka atau pembayaran semula apa-apa amaun wang yang dibelanjakan atau didahulukan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk membayar perbelanjaan luar jangka;
- (c) jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu telah selesai;
- (d) jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa orang yang dibantu itu menghendaki prosiding itu dijalankan atau diteruskan secara tidak munasabah sehingga menyebabkan Ketua Pengarah Bantuan Guaman menanggung perbelanjaan yang tidak berjustifikasi;
- (e) jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa orang yang dibantu itu telah dengan sengaja tidak mematuhi mana-mana peraturan mengenai maklumat yang diberikan olehnya, atau, semasa memberikan apa-apa maklumat itu, mengetahui bahawa orang yang dibantu telah membuat pernyataan palsu atau representasi palsu;
- (f) jika hasil daripada penentuan semula sumber kewangan orang yang dibantu, Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa orang yang dibantu itu memiliki sumber kewangan yang melebihi lima puluh ribu ringgit setahun;
- (g) jika hasil daripada apa-apa maklumat yang sampai ke pengetahuannya, Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpendapat bahawa—

  - (i) orang yang dibantu itu sudah tidak lagi mempunyai alasan yang munasabah untuk membawa, membela atau menjadi pihak kepada prosiding itu; atau

- (ii) orang yang dibantu itu sudah tidak lagi munasabah dalam keadaan tertentu untuk terus menerima bantuan guaman;
- (h) jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa orang yang dibantu itu telah mati atau telah diisytiharkan bankrap; atau
- (i) jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa orang yang dibantu itu telah melanggar apa-apa terma perakuan yang dikeluarkan kepada orang yang dibantu.

(2) Suatu perakuan tidak boleh dibatalkan di bawah perenggan 7(1)(d) atau (g) sehingga orang yang dibantu itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab mengapa perakuan itu tidak boleh dibatalkan.

(3) Apabila Ketua Pengarah Bantuan Guaman membatalkan perakuan seseorang yang dibantu, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dengan serta-merta mengeluarkan notis pembatalan kepada orang yang dibantu itu.

(4) Jika perakuan yang dibatalkan itu telah difailkan di mana-mana mahkamah, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dengan serta-merta memfailkan suatu pemberitahuan dalam Borang III Jadual Pertama di mahkamah itu.

### **Kesan pembatalan perakuan**

8. (1) Tertakluk kepada peraturan ini, orang yang dibantu yang perakuannya telah dibatalkan hendaklah dari tarikh pembatalan perakuan itu, terhenti daripada menjadi orang yang dibantu dalam prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu.

(2) Apabila orang yang dibantu telah menerima notis pembatalan perakuan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman, retainer mana-mana peguam, jika ada, yang bertindak

bagi orang yang dibantu itu dalam prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu hendaklah tamat dengan serta-merta.

(3) Apabila tamatnya prosiding di bawah peraturan ini—

(a) kos prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu, yang ditanggung oleh atau bagi pihak orang yang telah dikeluarkan perakuan itu, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas itu, ditetapkan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dinilai mengikut Peraturan-Peraturan ini;

(b) Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah masih bertanggung untuk membayar apa-apa kos yang ditetapkan atau dinilai itu.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (5), jika suatu perakuan dibatalkan, orang yang baginya perakuan itu dikeluarkan hendaklah masih bertanggung untuk membayar sumbangannya, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman bagi amaun yang telah dibayar dan kena dibayar oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah perenggan 3(b).

(5) Jika perakuan telah dibatalkan menurut perenggan 7(1)(e)—

(a) Ketua Pengarah Bantuan Guaman mempunyai hak untuk mendapatkan kembali daripada orang yang perakuan telah dikeluarkan kepadanya, kos yang telah dibayar dan kena dibayar di bawah perenggan 3(b), dengan ditolak apa-apa amaun yang diterima daripadanya melalui sumbangan; dan

(b) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau peguam yang telah bertindak dalam prosiding itu mempunyai hak untuk mendapatkan kembali daripada orang itu perbezaan antara amaun yang telah dibayar atau kena dibayar oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan amaun penuh Ketua Pengarah

Bantuan Guaman atau peguamnya dan kos klien sendiri sebagaimana yang ditetapkan atau dipersetujui.

(6) Jika orang yang perakuannya telah dibatalkan terus menjadi pihak dalam prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu,—

- (a) seksyen 25 Akta yang berkaitan dengan jumlah wang yang didapatkan menurut suatu penyelesaian atau kompromi yang berhubungan dengan kos yang dibuat bagi faedah orang yang dibantu hendaklah terpakai setakat kos yang ditanggung semasa dia merupakan orang yang dibantu;
- (b) seksyen 23 Akta yang berkaitan dengan liabiliti orang yang dibantu menurut suatu perintah bagi kos yang dibuat terhadapnya hendaklah terpakai setakat kos yang ditanggung semasa dia merupakan orang yang dibantu; dan
- (c) seksyen 18 Akta yang memperuntukkan mengenai cagaran ke atas harta yang didapatkan atau dipertahankan bagi faedah orang yang dibantu hendaklah terpakai bagi mana-mana harta yang didapatkan atau dipertahankan.

(7) Jika perakuan dibatalkan menurut perenggan 7(1)(a), Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menghalang permohonan bantuan guaman daripada orang yang sama mengenai kausa tindakan yang sama pada masa hadapan jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman mendapati bahawa kelakuan orang itu merupakan suatu penyalahgunaan kemudahan yang diperuntukkan oleh Akta.

**Bantuan guaman diberikan selepas permulaan prosiding**

9. (1) Jika suatu prosiding telah dimulakan dalam mana-mana mahkamah, mana-mana pihak yang menjadi orang yang dibantu berkenaan dengan prosiding itu, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hanya bertanggungjawab terhadap segala kos prosiding itu yang ditanggung semasa perakuan itu berkuat kuasa.

(2) Mana-mana peguam yang telah bertindak dalam prosiding bagi pihak orang yang dibantu sebelum tarikh perakuan, dan mana-mana peguam yang mempunyai lien di bawah undang-undang ke atas apa-apa dokumen yang diperlukan untuk prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu dan telah menyerahkan dokumen itu tertakluk kepada liennya, bolehlah memberitahu fakta itu kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

(3) Tertakluk kepada subperaturan (4), jika ganti rugi atau kos didapatkan bagi orang yang dibantu dalam prosiding itu, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah membayar kepada peguam itu daripada jumlah wang yang didapatkan kos yang peguam itu berhak secara penetapan antara peguam dengan klien.

(4) Jika jumlah wang yang didapatkan adalah tidak mencukupi untuk membayar kos itu dengan sepenuhnya dan juga untuk membayar tanggungan bersih Ketua Pengarah Bantuan Guaman terhadap akaun orang yang dibantu, jumlah wang yang didapatkan dalam prosiding itu hendaklah dibahagikan antara Ketua Pengarah Bantuan Guaman dengan peguam berkadaran dengan amaun yang terhutang kepada masing-masing, dan tanggungan pertama bagi faedah Ketua Pengarah Bantuan Guaman yang dikenakan di bawah subseksyen 18(4) Akta ke atas harta yang didapatkan atau dipertahankan dalam prosiding itu hendaklah berkuat kuasa dengan sewajarnya.

(5) Dalam mana-mana kes jika tidak terdapat sebarang perintah untuk penetapan, amaun kos hendaklah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

**Perakuan ditolak berulang kali**

10. (1) Jika seseorang telah memohon perakuan dan permohonannya telah ditolak sebanyak dua kali dan Ketua Pengarah Bantuan Guaman mendapati bahawa kelakuan orang itu merupakan suatu penyalahgunaan kemudahan yang diperuntukkan oleh Akta, Ketua Pengarah Bantuan Guaman bolehlah mengarahkan bahawa tiada pertimbangan boleh diberikan kepada apa-apa permohonan untuk perakuan oleh orang itu pada masa hadapan berkenaan dengan apa-apa perkara tertentu.

(2) Peraturan ini tidak terpakai bagi permohonan untuk bantuan guaman oleh mana-mana orang bagi pihak seseorang budak.

**Penjalanan prosiding oleh peguam**

11. (1) Apa-apa dokumen yang diserahkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman kepada peguam yang bertindak bagi orang yang dibantu hendaklah ditandakan "Bantuan Guaman".

(2) Melainkan jika diperuntukkan sedemikian oleh sesuatu perakuan, peguam orang yang dibantu tidak boleh mengambil apa-apa tindakan yang berikut tanpa kelulusan Ketua Pengarah Bantuan Guaman terlebih dahulu:

- (a) untuk menambah mana-mana pihak lagi ke dalam prosiding itu;
- (b) untuk meminta apa-apa rekod mana-mana prosiding;
- (c) untuk membuat apa-apa rayuan interlokutori;
- (d) untuk mengarahkan lebih daripada satu peguam; atau
- (e) untuk mengadakan atau menolak apa-apa hak atau tuntutan yang mempunyai kesan yang sama seperti tindakan silang (selain tuntutan balas atau tolakan yang terbit daripada transaksi yang sama dan boleh diplidkan

sebagai pembelaan), atau untuk menjawab terhadap apa-apa hak atau tuntutan yang diadakan atau ditolak oleh mana-mana pihak lain.

(3) Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh memberikan kuasa am kepada peguam yang bertindak bagi orang yang dibantu dalam mana-mana kelas kes yang tertentu untuk mendapatkan laporan atau pendapat pakar dan untuk seseorang saksi memberikan keterangan pakar.

(4) Dalam memberikan suatu kebenaran, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah menyatakan bilangan maksimum laporan atau pendapat pakar yang dibenarkan untuk didapatkan atau bilangan maksimum orang yang dibenarkan untuk memberi keterangan pakar dan jumlah fi maksimum yang boleh dibayar baginya.

(5) Tiada pembayaran boleh dibuat bagi laporan atau pendapat pakar atau bagi keterangan saksi pakar yang dikemukakan oleh atau bagi pihak orang yang dibantu tanpa kebenaran Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

(6) Jika peguam orang yang dibantu mendapati bahawa adalah perlu untuk sesuatu perbuatan dilakukan untuk menjalankan sesuatu prosiding dengan sepatutnya, tetapi perbuatan itu tidak dibenarkan secara spesifik oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman, luar biasa sifatnya atau melibatkan perbelanjaan besar yang luar biasa, peguam orang yang dibantu itu hendaklah meminta kelulusan Ketua Pengarah Bantuan Guaman terlebih dahulu sebelum melakukan perbuatan itu.

(7) Jika kelulusan terdahulu itu telah didapatkan, tiada persoalan mengenai kewajaran perbuatan itu boleh dibangkitkan pada masa penetapan antara peguam dengan klien mengikut peraturan 14.

(8) Mana-mana peguam tidak boleh melepaskan dirinya daripada bertindak bagi orang yang dibantu tanpa kelulusan Ketua Pengarah Bantuan Guaman terlebih dahulu.

(9) Peguam orang yang dibantu hendaklah memberikan Ketua Pengarah Bantuan Guaman apa-apa maklumat berhubung dengan kemajuan dan penyelesaian prosiding yang berkaitan dengan perakuan itu sebagaimana yang dikehendaki Ketua Pengarah Bantuan Guaman dari semasa ke semasa bagi maksud melaksanakan tugasnya di bawah Akta.

(10) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (9), peguam yang telah bertindak atau sedang bertindak bagi orang yang dibantu, apabila berpuas hati bahawa orang yang dibantu telah mati atau telah diisytiharkan bankrap, hendaklah melaporkan hal itu kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

(11) Peguam tidak boleh terhalang, oleh sebab apa-apa keistimewaan yang timbul daripada hubungan antara peguam dengan klien daripada menzahirkan kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman apa-apa maklumat atau daripada memberikan apa-apa pendapat yang membolehkan Ketua Pengarah Bantuan Guaman melaksanakan tugasnya di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini.

### **Penyampaian dokumen**

12. (1) Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini hendaklah disampaikan sama ada secara kediri atau melalui pos ke alamat yang terakhir diketahui orang yang dikehendaki disampaikan itu.

(2) Jika orang yang dibantu menjadi pihak dalam prosiding, atau pihak dalam satu prosiding menjadi orang yang dibantu, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu salinan Borang IV Jadual Pertama kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding itu.

(3) Suatu salinan apa-apa dokumen yang disebut dalam peraturan ini hendaklah difailkan di mahkamah yang berkenaan dan hendaklah menjadi sebahagian daripada dokumen untuk kegunaan perbicaraan.

**Harta yang didapatkan atau dipertahankan dan kos yang diawardkan kepada orang yang dibantu**

13. (1) Tertakluk kepada subperaturan (6), semua wang yang kena dibayar kepada orang yang dibantu hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan tiada orang lain boleh memberikan pelepasan yang sewajarnya bagi wang yang kena dibayar itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), wang yang kena dibayar kepada orang yang dibantu ialah—

- (a) wang yang kena dibayar menurut apa-apa perintah atau persetujuan yang dibuat berhubung dengan tindakan, kausa atau perkara yang berkenaan dengan perakuannya, sama ada persetujuan itu dibuat sebelum atau selepas prosiding sebenarnya dimulakan; atau
- (b) wang yang dibayar kepada mahkamah oleh mana-mana pihak yang kena dibayar atau terakru kena dibayar kepada orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding yang berkaitan dengan perakuannya.

(3) Setelah menerima wang yang dibayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah peraturan ini, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah—

- (a) membayar kepada peguam orang yang dibantu, jika terpakai, kos prosiding mengikut peraturan 14;
- (b) menyimpan apa-apa jumlah wang yang dibayar menurut perintah atau persetujuan untuk kos yang dibuat bagi faedah orang yang dibantu itu;
- (c) menyimpan sejumlah wang sebanyak mana, jika ada, yang masih tidak dibayar berkenaan dengan apa-apa sumbangan di bawah seksyen 18 Akta atau apa-apa amaun yang telah dibelanjakan atau didahulukan untuk membayar perbelanjaan luar jangka di bawah seksyen 22 Akta;

- (d) menyimpan apa-apa kos prosiding yang dibawa oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah perenggan 4(b), sebanyak mana yang kos itu belum didapati daripada orang yang terhadapnya prosiding itu telah dibawa; dan
- (e) membayar baki bersih daripada wang itu kepada orang yang dibantu.

(4) Jika suatu perintah atau persetujuan dibuat dalam mana-mana prosiding untuk kos dibayar kepada orang yang dibantu atau untuk harta didapatkan atau dipertahankan bagi faedah orang yang dibantu dan terdapatnya tanggungan pertama ke atas harta itu bagi faedah Ketua Pengarah Bantuan Guaman menurut seksyen 18 Akta, Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh—

- (a) menghendaki orang yang dibantu untuk membawa prosiding, sebagaimana prosiding yang boleh dibawa di bawah seksyen 12 Akta, sebagaimana yang diperlukan untuk menguatkuasakan atau memberikan kesan kepada perintah atau persetujuan itu; atau
- (b) meneruskan untuk menguatkuasakan apa-apa perintah atau persetujuan itu bagi wang dibayar melalui pengeluaran suatu saman penghakiman di mahkamah atas namanya, tanpa merujuk kepada orang yang dibantu itu, jika orang yang dibantu itu gagal, enggan atau tidak mampu untuk mengambil prosiding itu.

(5) Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menangguhkan pembayaran kepada peguam orang yang dibantu akan kos peguam berhubung dengan sesuatu prosiding sehingga peguam itu telah, pada pendapat Ketua Pengarah Bantuan Guaman, melaksanakan mana-mana peruntukan peraturan ini.

(6) Peraturan ini tidak terpakai bagi wang yang kena dibayar di bawah undang-undang yang berhubung dengan nafkah perempuan yang berkahwin dan

kanak-kanak yang sedang berkuat kuasa, dan bagi maksud subseksyen 18(4) Akta, ungkapan “harta” tidak boleh dianggap termasuk apa-apa wang sedemikian yang kena dibayar.

### **Kos yang kena dibayar kepada peguam**

14. Jumlah wang yang kena dibayar kepada seseorang peguam yang bertindak bagi orang yang dibantu berhubung dengan prosiding mahkamah adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

### **Pelbagai**

15. (1) Jika mahkamah memberikan penghakiman atau membuat perintah muktamad dalam prosiding yang orang yang dibantu merupakan pihak, penghakiman atau perintah itu hendaklah mengandungi arahan bahawa kos orang yang dibantu itu hendaklah ditetapkan sebagaimana antara peguam dengan klien mengikut peraturan 14.

(2) Dalam ketiadaan arahan itu, peguam orang yang dibantu itu atau Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah membuat permohonan kepada mahkamah untuk suatu perintah sedemikian, dan kos permohonan dan penetapan itu hendaklah disifatkan sebagai kos dalam prosiding yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan perakuan itu.

### **Kaedah-kaedah mahkamah**

16. Kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh Peraturan-Peraturan ini, dalam apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah yang orang yang dibantu ialah suatu pihak, tataranya hendaklah dikawal selia oleh tatacara bagi mahkamah itu.

**Pembatalan dan kecualian**

17. (1) Peratoran<sup>2</sup> Bantuan dan Nasihat Guaman, 1970 [*P.U. (A) 299/1970*] dibatalkan.

(2) Mana-mana permohonan yang telah dibuat atau tindakan yang telah dimulakan di bawah Peratoran<sup>2</sup> Bantuan dan Nasihat Guaman, 1970 yang masih belum selesai sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus menjadi sah dan hendaklah diuruskan di bawah Peratoran<sup>2</sup> Bantuan dan Nasihat Guaman, 1970 seolah-olah Peratoran<sup>2</sup> Bantuan dan Nasihat Guaman, 1970 tidak dipinda oleh Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA

BORANG I

[Subperaturan 3 (1)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERMOHONAN OLEH ORANG YANG MEMOHON BAGI PIHAKNYA SENDIRI

PERMOHONAN UNTUK BANTUAN GUAMAN

1. Saya, (1) .....  
dari (2) .....  
.....  
dengan ini memohon bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.

((1) nama pemohon dalam huruf besar, Encik, Puan, Cik, dsb.)

((2) alamat, pekerjaan dan kewarganegaraan)

2. Bantuan guaman diminta bagi maksud:

\*(a) membawa atau meneruskan prosiding terhadap (3)  
.....

\*(b) membela atau meneruskan pembelaan prosiding yang dimulakan atau yang akan dimulakan oleh (4) .....  
.....

\*(c) menjadi atau terus menjadi suatu pihak kepada prosiding (5)  
.....  
.....  
.....

(\*Potong perenggan yang tidak perlu. (3) nama dan alamat orang yang terhadapnya prosiding akan diambil atau diteruskan)

((4) nama dan alamat orang yang memulakan prosiding)

((5) jenis prosiding dan nama dan alamat semua pihak)

3. Alasan permohonan saya ialah:

(6).....  
.....  
.....  
.....

((6) nyatakan dengan ringkas alasan untuk membawa, membela atau meneruskan atau menjadi pihak kepada prosiding)

4. Orang yang berikut boleh memberi keterangan bagi menyokong kes saya:

(7).....  
(8) .....  
.....  
.....  
.....  
.....

((7) berikan nama dan alamat)

((8) dalam kebanyakan kes, adalah untuk kepentingan kamu membekalkan kenyataan jika boleh. Kenyataan hendaklah menunjukkan sejauh mana setiap orang itu boleh, daripada pengetahuannya sendiri mengenai sesuatu fakta, mengesahkan kenyataan kamu sendiri)

5. Saya lampirkan bersama dengan borang ini dokumen yang berikut:

(9).....  
.....  
.....  
.....  
.....

((9) kamu hendaklah membekalkan bersama dengan borang ini apa-apa dokumen (seperti surat, kontrak, perjanjian, surat ikatan, salinan wasiat, dsb.) yang berkaitan dengan kes kamu, dan membekalkan senarai dokumen itu. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, lampirkan senarai itu pada suatu helaian kertas yang berasingan)

6. Saya faham bahawa jika permohonan saya diluluskan saya hendaklah diberitahu akan terma yang menurutnya Ketua Pengarah Bantuan Guaman bersedia untuk mengeluarkan perakuan, bahawa terma itu boleh termasuk pembayaran oleh saya suatu sumbangan terhadap kos prosiding itu dan saya hendaklah mempunyai

peluang untuk menerima atau menolak apa-apa tawaran perakuan yang dibuat kepada saya.

7. Saya faham bahawa saya boleh dikehendaki oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk membekalkan maklumat lanjut yang berhubungan dengan permohonan saya.
8. Saya telah melengkapkan akuan berkanun dalam permohonan ini.

Tarikh .....

.....  
*Tandatangan Pemohon*

---

PEMBERITAHUAN KHAS KEPADA PEMOHON

Seksyen 31 Akta Bantuan Guaman 1971 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Jika sesiapa yang meminta atau menerima bantuan guaman atau nasihat guaman membuat dengan diketahuinya apa-apa pernyataan atau nyataan palsu tatkala memberikan apa-apa maklumat dalam permohonannya, apabila disabitkan dia boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

AKUAN BERKANUN OLEH PEMOHON

Saya, (a) .....  
dari (b) .....dan  
(c) .....  
.....

iaitu pemohon dalam permohonan ini dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa maklumat yang dilampirkan di sini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

- ((a) nama penuh)
- ((b) alamat)
- ((c) pekerjaan)

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut dalamnya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

.....  
*Tandatangan Pemohon*

Bersumpah atau berikrar pada ..... hari bulan ....., 20.....

Di hadapan saya,

.....  
*Pesuruhjaya Sumpah*

BORANG IA

[Subperaturan 4(1)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERMOHONAN OLEH WAKIL ATAU PENJAGA *AD LITEM* BAGI PIHAK BUDAK

PERMOHONAN UNTUK BANTUAN GUAMAN

- 1. Saya, (1).....  
 dari (2).....  
 dan (3).....  
 dengan ini memohon bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.

Permohonan ini dibuat oleh saya sebagai wakil atau penjaga *ad litem* (4).....  
 seorang budak berumur ..... tahun (2).....  
 dan (3).....

((1) nama pemohon dalam huruf besar, Encik, Puan, Cik, dsb.)  
 ((2) alamat)  
 ((3) pekerjaan dan kewarganegaraan)  
 ((4) nama budak)

- 2. Bantuan guaman diminta bagi maksud:

\*(a) membawa atau meneruskan prosiding terhadap (5)  
 .....  
 .....

\*(b) membela atau meneruskan pembelaan prosiding yang dimulakan atau yang akan dimulakan oleh.....  
 (6).....

\*(c) menjadi atau terus menjadi suatu pihak kepada prosiding (7)  
 .....  
 .....  
 .....

(\*Potong perenggan yang tidak perlu. (5) nama dan alamat orang yang terhadapnya prosiding akan diambil atau diteruskan)  
((6) nama dan alamat orang yang memulakan prosiding)  
((7) jenis prosiding dan nama dan alamat semua pihak)

3. Alasan permohonan saya ialah (8).....  
.....  
.....  
.....

((8) nyatakan dengan ringkas alasan untuk membawa, membela atau meneruskan atau menjadi pihak kepada prosiding)

4. Orang yang berikut boleh memberi keterangan bagi menyokong kes saya:  
(9) .....dan  
(10) .....  
.....  
.....  
.....

((9) berikan nama dan alamat)  
((10) dalam kebanyakan kes, adalah untuk kepentingan kamu membekalkan kenyataan jika boleh. Kenyataan hendaklah menunjukkan sejauh mana setiap orang itu boleh, daripada pengetahuannya sendiri mengenai sesuatu fakta, mengesahkan kenyataan kamu sendiri)

5. Saya lampirkan bersama dengan borang ini dokumen yang berikut:  
(11).....  
.....  
.....  
.....

((11) kamu hendaklah membekalkan bersama dengan borang ini apa-apa dokumen (seperti surat, kontrak, perjanjian, surat ikatan, salinan wasiat, dsb.) yang berkaitan dengan kes kamu, dan membekalkan senarai dokumen itu. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, lampirkan senarai itu pada suatu helaian kertas yang berasingan)

6. Saya faham bahawa jika permohonan saya diluluskan saya hendaklah diberitahu akan terma yang Ketua Pengarah Bantuan Guaman bersedia untuk mengeluarkan perakuan, bahawa terma itu boleh termasuk pembayaran oleh saya suatu sumbangan

terhadap kos prosiding itu, dan saya hendaklah mempunyai peluang untuk menerima atau menolak apa-apa tawaran perakuan yang dibuat kepada saya.

7. Saya faham bahawa saya boleh dikehendaki oleh Ketua Pengarah Bantuan Pengarah untuk membekalkan maklumat lanjut yang berhubungan dengan permohonan saya.
8. Saya telah melengkapkan akuan berkanun dalam permohonan ini.

Tarikh.....

.....  
*Tandatangan Pemohon*

---

#### PEMBERITAHUAN KHAS KEPADA PEMOHON

Seksyen 31 Akta Bantuan Guaman 1971 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Jika sesiapa yang meminta atau menerima bantuan guaman atau nasihat guaman membuat dengan diketahuinya apa-apa pernyataan atau nyataan palsu tatkala memberikan apa-apa maklumat dalam permohonannya, apabila disabitkan dia boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”

AKUAN BERKANUN OLEH PEMOHON

Saya, (a) .....  
dari (b) .....dan  
(c) .....  
.....

iaitu pemohon dalam permohonan ini dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa maklumat yang dilampirkan di sini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

- ((a) nama penuh)
- ((b) alamat)
- ((c) pekerjaan)

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut dalamnya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

.....  
*Tandatangan Pemohon*

Bersumpah atau berikrar pada ..... hari bulan ....., 20.....

Di hadapan saya,

.....  
*Pesuruhjaya Sumpah*

BORANG II

[Subperaturan 5(1), (2) dan (11)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

Seksyen 11, 15, 16, 16A dan 29H

PERAKUAN BANTUAN GUAMAN

SETELAH menimbangkan permohonan yang dibuat oleh  
..... yang beralamat di

.....  
.....

untuk diberikan bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971, SAYA  
MEMPERAKUI bahawa ..... berhak untuk  
bantuan guaman di bawah Akta tersebut.

Bantuan Guaman telah diberikan bagi maksud  
.....  
.....

BERTARIKH di....., pada.....hari bulan....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Bantuan Guaman*

ENDOSMEN

Saya telah menugaskan ..... untuk bertindak sebagai peguam bagi orang yang dibantu yang disebut dalam perakuan.

BERTARIKH di.....,pada..... hari bulan....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Bantuan Guaman*

BORANG III

[Subperaturan 7(4)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PEMBERITAHUAN PEMBATALAN PERAKUAN BANTUAN GUAMAN

Dalam Mahkamah .....

Antara .....

*Plaintif/Defenden*

DENGAN

.....

*Defenden/Responden*

AMBIL PERHATIAN bahawa Perakuan Bantuan Guaman bertarikh .....  
haribulan ....., 20..... yang telah dikeluarkan bagi ..... di atas telah  
pada ..... hari bulan....., 20..... dibatalkan.

Bertarikh pada..... hari bulan....., 20.....

.....

*Ketua Pengarah Bantuan Guaman*

BORANG IV

[Subperaturan 12(2)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PEMBERITAHUAN PEMBERIAN PERAKUAN BANTUAN GUAMAN

Dalam Mahkamah .....

Antara .....  
*Plaintif/Defenden*

DENGAN

.....  
*Defenden/Responden*

AMBIL PERHATIAN bahawa Perakuan Bantuan Guaman bertarikh .....  
haribulan....., 20..... telah dikeluarkan kepada .....  
berkenaan dengan prosiding yang berikut:

AMBIL PERHATIAN SELANJUTNYA bahawa oleh yang demikian,  
..... dalam  
prosiding ini dari tarikh itu merupakan orang yang dibantu.

Bertarikh pada ..... hari bulan....., 20.....

.....  
*Ketua Pengarah Bantuan Guaman*

## JADUAL KEDUA

(Peraturan 14)

*Mahkamah Persekutuan*

Pembelanjaan	- Jumlah penuh yang dibenarkan semasa penetapan kos
Kos peguam dan klien	- Lima puluh peratus daripada jumlah yang dibenarkan semasa penetapan kos
Atau	
	- RM3,000.00 dan ke bawah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengarah Bantuan Guaman
Temu bual	- RM750.00 (sekali temu bual sahaja)
Menghadiri mahkamah untuk sebutan kes	- RM150.00 bagi sehari
Menghadiri mahkamah pada hari pertama pendengaran	- RM600.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
Menghadiri mahkamah bagi pendengaran pada hari-hari yang berikutnya	- RM100.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
Menyiasat, membuat laporan atau memberikan pendapat mengenai permohonan untuk bantuan guaman atau untuk memberikan nasihat guaman.	- RM50.00 bagi sejam - Tuntutan maksimum RM300.00
Tawaran untuk selesai	- RM200.00 bagi satu sesi - Tuntutan maksimum RM1,000.00

*Perjalanan dan Pengangkutan*

Menggunakan kenderaan sendiri - RM0.70 bagi setiap kilometer

Tambang teksi - Kos sebenar

*Mahkamah Rayuan (Sivil atau Syariah)*

Pembelajaan - Kos sebenar

Kos peguam dan klien - Lima puluh peratus daripada jumlah yang dibenarkan semasa penetapan kos atau  
 - RM2,000.00 dan ke bawah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengarah Bantuan Guaman

Temu bual - RM500.00 (sekali temubual sahaja)

Menghadiri mahkamah untuk sebutan kes - RM100.00 bagi sehari

Menghadiri mahkamah pada hari pertama pendengaran - RM400.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari

Menghadiri mahkamah bagi pendengaran pada hari-hari yang berikutnya - RM75.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari

Menyiasat, membuat laporan atau memberikan pendapat mengenai permohonan untuk bantuan guaman atau untuk memberikan nasihat guaman. - RM50.00 bagi sejam  
 - Tuntutan maksimum RM250.00

Tawaran untuk selesai - RM150.00 bagi satu sesi  
 - Tuntutan maksimum RM750.00

*Perjalanan dan Pengangkutan*

- Menggunakan kenderaan sendiri - RM0.70 bagi setiap kilometer
- Tambang teksi - Kos sebenar

*Mahkamah Tinggi (Sivil dan Syariah)*

- Pembelajaan - Kos sebenar
- Kos peguam dan klien - Lima puluh peratus daripada jumlah yang dibenarkan semasa penetapan kos
- atau
- RM1,000.00 dan ke bawah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengarah Bantuan Guaman
- Temu bual - RM300.00 (sekali temubual sahaja)
- Menghadiri mahkamah untuk sebutan kes - RM50.00 bagi sehari
- Menghadiri mahkamah pada hari pertama pendengaran - RM200.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
- Menghadiri mahkamah bagi pendengaran pada hari-hari yang berikutnya - RM50.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
- Menyiasat, membuat laporan atau memberikan pendapat mengenai permohonan untuk bantuan guaman atau untuk memberikan nasihat guaman. - RM50.00 bagi sejam  
- Tuntutan maksimum RM200.00

- Tawaran untuk selesai
- RM100.00 bagi satu sesi
  - Tuntutan maksimum RM500.00

*Perjalanan dan Pengangkutan*

- Menggunakan kenderaan sendiri
- RM0.70 bagi setiap kilometer
- Tambang teksi
- Kos sebenar

*Mahkamah Rendah Sivil (Sesyen dan Majistret) dan Mahkamah Rendah Syariah*

- Pembelajaan
- Kos sebenar
- Kos peguam dan klien
- Lima puluh peratus daripada jumlah yang dibenarkan semasa penetapan kos
- atau

*Mahkamah Sesyen*

- RM750.00 dan ke bawah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengarah Bantuan Guaman

*Mahkamah Majistret dan Mahkamah Rendah Syariah*

- RM650.00 dan ke bawah tertakluk kepada budi bicara Ketua Pengarah Bantuan Guaman

- Temu bual
- RM250.00 (sekali temubual sahaja)

- Menghadiri mahkamah untuk sebutan kes - RM30.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
- Menghadiri mahkamah pada hari pertama pendengaran - RM100.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
- Menghadiri mahkamah bagi pendengaran pada hari-hari yang berikutnya - RM30.00 bagi sehari atau sebahagian daripada sehari
- Menyiasat, membuat laporan atau memberikan pendapat mengenai permohonan untuk bantuan guaman atau untuk memberikan nasihat guaman. - RM25.00 bagi sejam  
- Tuntutan maksimum RM150.00
- Tawaran untuk selesai - RM50.00 bagi satu sesi  
- Tuntutan maksimum RM250.00

*Perjalanan dan Pengangkutan*

- Menggunakan kenderaan sendiri - RM0.70 bagi setiap kilometer
- Tambang teksi - Kos sebenar
- Pelbagai - Bayaran pendahuluan RM500.00 bagi pengendalian kes yang melibatkan harta sepencarian dan kes kemalangan yang melibatkan kenderaan motor.”

Dibuat 29 November 2017  
[JBG.600-1/2/1;PN(PU2)77/VII]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

LEGAL AID ACT 1971

LEGAL AID REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 32 of the Legal Aid Act 1971 [Act 26], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Legal Aid Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2017.

**Interpretation**

2. In these Regulations, “certificate” means the legal aid certificate issued to an applicant under Part IV of the Act.

**Application for a legal aid certificate in civil actions or criminal cases**

3. (1) Any person who desires legal aid in civil actions or criminal cases may apply for a legal aid certificate in a form specified by the Director General of Legal Aid.

